

Riwayat dari Nabi (sawa) dan 12 orang khalifahnyanya juga menekankan perlunya wujud pakar-pakar yang memandu kaum mukmin ke arah Penciptanya, seperti yang dikatakan oleh Imam terakhir Ahlulbait(as): "Maka, untuk para Fuqaha yang melindungi jiwa mereka, yang menjaga agama, yang melawan keinginan dan nafsu mereka, dan mereka yang patuh kepada perintah Tuan mereka, maka adalah dibenarkan untuk orang awam mengikuti mereka, dan peringkat spiritual ini hanya dapat dilihat oleh sesetengah sahaja, bukan semua mereka."(Wasail ash-Shia, Vol. 27, hal 131, Hadith 33401)

Terlampau banyak sekali contoh semasa hidup Nabi dan Aimmah, yang mana mereka memerintahkan para sahabat mereka untuk memberi panduan kepada pengikut di tempat yang jauh, dan mengajar mereka metodologi untuk mengambil undang-undang Islam untuk isu-isu yang bari timbul

Mujtahid Syarat kelayakan seorang Mujtahid.

Dapat kita fahami bahawa sekadar menjadi seorang yang berilmu dengan ilmu Islam masih tidak memenuhi syarat seorang mujtahid yang boleh diikuti oleh semua. Selain tahap ilmu yang tinggi, seseorang mujtahid itu juga perlulah seorang yang bebas, sah kelahirannya, waras, Syiah Ithna Asyiar dan adil yang mana merangkumi kezuhudan dan menjauhi larangan syariah serta menunaikan segala kewajiban.

Bagaimana mengenali mujtahid yang boleh kita ikuti

Bagaimana seorang Muslim biasa mengetahui seseorang itu adalah Mujtahid yang perlu diikuti? Ada 3 cara yang diketahui: 1) Pengetahuan peribadi bahawa seseorang itu adalah ilmuan agama; 2) Kesaksian 2 orang yang adil dan berilmu bahawa seseorang itu Mujtahid; 3) Populariti yang tanpa ragu lagi seseorang itu adalah mujtahid.

Sebagai tambahan, kebanyakan sarjana masa kini mengatakan perlunya mengikuti seorang Mujtahid yang paling a'lam, secara umumnya yang paling berilmu, dan secara spesifiknya, seorang ulama yang paling pakar dalam mengambil undang-undang Islam dari sumbernya. Seseorang a'lam itu boleh dikenali dengan 3 cara di atas, bagaimanapun, kadang kala seseorang sarjana Syiah itu menghadapai masalah dalam mengenalpasti yang paling a'lam di antara para ulama. Hasilnya, wujudlah lebih dari seorang Mujtahid yang boleh diikuti (bukan oleh orang yang sama), yang mana buat masa ini, lebih dari 15 orang yang boleh dipilih untuk diikuti dalam komuniti Syiah.



Kepentingan Ijtihad dan Taqlid

"Jika selepas keghaiban Qaim kamu, tidak tinggal seorang pun dari kalangan ulama yang menjemput kamu kepada Imam, memandi mereka terhadap beliau, mempertahankan agama dengan hujjah Allah, menyelamatkan hamba Allah yang diperangkap Iblis dan para musuh Ahlulbait, maka tidak akan ada lagi manusia melainkan mereka meninggalkan agama Allah. Bagaimanapun, para ulama ini mempertaruhkan diri mereka untuk menjadi pelindung hati-hati mereka yang lemah sama seperti Kapten sebuah bot yang mengawal jiwa dan keselamatan mereka yang berada di atas kapal. Oleh itu mereka adalah golongan yang terbaik di sisi Allah swt.

Biharul Anwar, vol. 2, hal. 6, Jil. 8, No. 12

Ketahui lebih lanjut tentang Islam yang diajar oleh Ahlulbayt di:

www.al-islam.org/faq/

Semasa adanya Rasulullah(sawa), baginda adalah hujjah tunggal dalam semua permasalahan agama dan politikal, yang mana diajukan oleh masyarakat kepada baginda. Selepas pemergian baginda, maka bermulalah bersilih ganti 12 orang khalifah pengganti baginda, yang mana bermula dari Imam Ali(as), yang dilantik secara terang dan berakhir dengan al Hujjah, Imam Mahdi(aj).

Imamah Imam ke 12 agak berlainan dengan para Imam sebelumnya, yang mana dengan kebijaksanaan Allah swt, beliau diperlukan untuk menjalani 2 bentuk keghaiban yang berbeza. Ghaibah Sughra beliau memakan masa 60 tahun, yang mana 4 orang wakil telah beliau lantik.

Mereka dipertanggungjawabkan untuk menerima dan menghantar persoalan agama berkaitan isu harian dari kaum Mukmin kepada Imam, mengutip dana Islam(zakat, khumus) dan mengagihkannya mengikut budi bicara Imam.

Selepas kematian wakil keempat pada tahun 328 Hijrah, maka tertutuplah pintu perwakilan khas ini. Bagaimanapun, hidayah tidak berakhir dan mengikut arahan yang diberikan kepada Imam, kita diperintah mengikut para fuqaha yang: "...menjaga jiwa dan agama serta mentaati perintah Tuan(Allah) mereka..." Maka, jatuhlah tugas ini ke bahu para ulama ikutan dan rujukan.(marja' taqlid)

Apa itu Taqlid?

Taqlid datang dari akar kata Arab, qal-la-da/yaqal-li-du/taqlid yang bermakna meniru atau mengikut. Ia tidak bermakna mengikut buta seperti yang digambarkan, tetapi di dalam rangka undang-undang Islam, ia bermakna mengikut, merujuk para ulama yang berkemampuan mengambil ilmu dari sumbernya dan berijtihad.

Kita tidak diwajibkan untuk melakukan Taqlid, malah, seperti yang disarankan oleh para ulama kita, **pilihan pertama** kita adalah dengan menjadi seorang mujtahid -iaitu seorang yang sudah mencapai peringkat ijtihad- yakni, berkebolehan secara bebas untuk mengambil undang-undang Islam dari sumbernya, dan ianya wajib ke atas sekalian Mukmin. Bagaimanapun jika wujud seorang sahaja yang mengambil tanggungjawab ini, maka sudah memadai.

Oleh kerana bukan semua orang mampu mencapai kedudukan itu, dan jika setiap orang mendedikasikan diri mereka kepada Pengajian Islam, maka tidak akan wujud lagi saintis, doktor, jurutera dll, pilihan kedua adalah dengan berihiyat, iaitu berhati-hati di dalam Syariat Islam. Jika seseorang itu ingin mengambil jalan ini, maka beliau perlu mengetahui semua fatwa yang dikeluarkan oleh para Marja' kontemporari dan memilih posisi "yang paling selamat".

Perlu difahami bahawa taqlid hanya dibenarkan untuk perkara berkaitan syariah, dan tidak dibenarkan untuk perkara berkaitan usuluddin(asas-asas agama). Seorang Muslim perlu memahami dengan sendiri berkaitan asas agama mereka dengan kajian dan pemerhatian. Malah Quran dengan jelas mengkritik mereka yang mengikut dengan membabi buta sesuatu kepercayaan.

Bagaimanapun, untuk memastikan ibadah kita dilakukan dengan betul dan diterima, seseorang itu perlu mengikut antara ketiga-tiga pilihan yang diberikan. Kegagalan menjadi seorang mujtahid, mengamalkan ihtiyat dan tidak bertaqlid boleh menyebabkan amalan seseorang itu tidak diterima dan batal.

Bukti Logikal Untuk Taklid

Seperti dalam mana-mana keadaan hidup kita, kita kerap merujuk pakar untuk menyelesaikan masalah kita, kerana kita sendiri tidak boleh menjadi pakar dalam setiap bidang dan perkara, seperti kejuruteraan, perubatan, pembaikan dll. Kita sentiasa membawa masalah kita kepada mereka yang terpelajar dan pakar dalam bidang tertentu. Penafsiran agama dan peraturannya juga tidak terkecuali, dan bermakna jika kita tidak mencapai peringkat pemahaman agama yang mencukupi, wajib bagi kita untuk bertanya kepada mereka yang sudah mencapai peringkat itu.

Bukti Tekstual Untuk Taklid

Allah swt berfirman: "Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)."

Ayat ini menunjukkan satu kumpulan manusia perlu menambahkan pemahaman agama dan setelah kembali dari pembelajaran mereka, mereka mengajar akan masyarakat mereka akan tanggungjawab agama mereka.